

Fengyi, Fuwa tiba pagi ini



BH 21/5/14 MS7.



Panda dibawa ke Lapangan Terbang Antarabangsa Chengdu Shuangliu untuk diterbangkan ke Malaysia. (Gambar kanan) James Dawos melawat Pusat Pemuliharaan dan Penyelidikan Beruang Panda di Dujiangyan, semalam. [FOTO BERNAMA]

» Pasangan panda gergasi dapat 'visa' MM2H mulakan kehidupan sedekad di Malaysia

► Chengdu, China

Fengyi dan Fuwa, pasangan panda gergasi yang akan memulakan kehidupan selama 10 tahun di Malaysia, 'diberikan' sijil Malaysia Rumah Keduaku (MM2H).

Dengan 'visa' MM2H, dua beruang panda itu layak secara dasarnya untuk "keluar dan masuk" Malaysia tanpa had sepanjang 10 tahun tinggal di Malaysia, sama

seperti peserta MM2H yang lain, kata Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr James Dawos Mamit.

Nikmati keistimewaan

Menurut program MM2H Kementerian Pelancongan, peserta bukan warga Malaysia dibenarkan perbaharui visa selama 10 tahun dan menikmati pelbagai keistimewaan lain.

"Idea ini diilhamkan oleh Ke-

menterian Pelancongan dan satu penghormatan kepada kami untuk memberikan sijil ini kepada beruang panda berkenaan," kata Dawos kepada pemberita Malaysia ketika melawat Pusat Pemuliharaan dan Penyelidikan Beruang Panda Dujiangyan pada Selasa.

"Dua beruang panda gergasi ini adalah haiwan pertama menerima visa MM2H," katanya.

Ketika ditanya sama ada tra-

gedi kehilangan pesawat Pesawat MH370 memberikan imej negatif kepada Malaysia, Dawos berkata kejadian itu menjejaskan anggota keluarga dan sanak saudara penumpang terbabit, namun Malaysia mengekalkan hubungan baik dengan warga China.

Pasangan beruang panda itu dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada jam 6 pagi ini.

BERNAMA